

**TEKS PENGGULUNGAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N07 SUNGAI PUYU**  
**EXCO ALAM SEKITAR DAN KEBAJIKAN**

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Berdirinya saya dalam dewan persidangan yang amat mulia ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk berucap.

**1. Peluang Perkerjaan untuk Golongan Gelandangan di Pulau Pinang**

Terlebih dahulu, saya menghargai kebimbangan Ketua Pembangkang berkenaan dengan isu gelandangan. Namun, saya ingin membetulkan Ketua Pembangkang yang telah menggunakan data pada tahun 2015 yang boleh dianggap sebagai mengelirukan dewan yang mulia ini.

Berdasarkan statistik yang dipaparkan di laman web '*open dosm*' yang dibina oleh Jabatan Statistik Malaysia, saya tidak boleh menafikan bahawa perbelanjaan isi rumah di Pulau Pinang memang tinggi, tetapi kalau berbanding dengan Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Melaka dan Johor, perbelanjaan isi rumah adalah lebih rendah berbanding negeri-negeri tersebut. Namun, saya ingin menekankan bahawa pendapatan isi rumah di Melaka adalah lebih rendah berbanding Pulau Pinang walaupun perbelanjaan isi rumah di Melaka adalah lebih tinggi.

Dan seperkara lagi, saya ingin menjelaskan bahawa kadar pengangguran di negeri Pulau Pinang adalah antara yang terendah dalam negara, iaitu pada 2.3%. Kerajaan Negeri sedang merangka sebuah rancangan untuk golongan gelandangan untuk bekerja sambil belajar. Kita telah mengambil pendekatan ini atas sebab kita mahu golongan gelandangan mempunyai pekerjaan yang kekal. Sekiranya pekerjaan mereka diambil alih oleh teknologi, sekurang-kurangnya mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang membolehkan mereka untuk masuk ke pasaran buruh.

## **2. Pusat Transit Gelandangan**

Bagi isu gelandangan, kerajaan negeri telah membuktikan keprihatinan terhadap golongan gelandangan ini dengan peruntukan sebanyak RM4.9 juta untuk pembinaan Pusat Transit Gelandangan yang telah pun disiapkan dan kini bertapak di Jalan CY Choy. Pusat Transit ini mempunyai 150 katil. Bank Makanan Mutiara turut disediakan di Pusat Transit.

## **3. Kelestarian Dipupuk Dalam Institusi Pendidikan**

Terima kasih Yang Berhormat Air Putih kerana maklumkan tentang perkara yang terjadi semasa Program Miao Hui. Kita akan mengemukakan isu ini ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk keterangan selanjutnya. Selain itu, saya ingin menjelaskan mengapakah sisa ke tapak pelupusan sampah sukar untuk menurun. Ilmu pengetahuan rakyat untuk mengasingkan sisa mengikut jenis masih kurang jelas. Faktor yang kedua adalah peningkatan imigrasi penduduk ke Pulau Pinang. Pengecualian cukai tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kerana perkara itu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Air Putih, Penang Green Council dengan izin Tuan Speaker, ditubuhkan pada tahun 2011 dan antara projek yang dilaksanakan oleh Penang Green Council adalah Pendidikan Alam Sekitar dan Program Khidmat Masyarakat. Antara aktiviti yang diadakan di bawah projek ini adalah kem dan bengkel, rangkaian sifar sisa, pemerksaan pembelajaran dan kepimpinan serta insentif dan anugerah. Kem dan bengkel tidak hanya memberikan tumpuan ke pelajar sekolah, namun perhatian juga diberikan kepada golongan umur yang lain. Pada 10 September 2022, Penang Green Council telah mengadakan Teeny Explorer – Be Friends with Mud di Pantai Bayan Mutiara. 15 pelajar dan 2 guru dari 6 sekolah yang berbeza terlibat dalam aktiviti ini yang berlangsung selama 2 jam. Objektif aktiviti ini adalah untuk membina kesedaran tentang kepentingan penjagaan alam sekitar. Pada 10 November 2022, Penang Green Council juga telah mengadakan Teeny Explorer – Co-exist with Nature di Pop & Chee Healthy Home Farming.

#### **4. Ekonomi Kitaran**

Penang Green Council turut memberi tumpuan kepada ekonomi kitaran. Penang Green Council mempunyai matlamat untuk mengurangkan kesan pengeluaran dan penggunaan daripada sektor elektronik dan elektrik (E&E) kepada alam sekitar, meningkatkan produktiviti, prestasi alam sekitar serta persaingan dalam sektor elektronik dan elektrik (E&E) dan akhir sekali mengubah Pulau Pinang untuk menjadi Hab Industri Hijau. Antara projek aktiviti adalah untuk melancarkan kerjasama dan penubuhan persatuan untuk menjalankan tindakan untuk dilaksanakan di antara sektor elektronik dan elektrik (E&E). Kemudian, diikuti dengan melancarkan perkongsian antara syarikat multinasional, syarikat tempatan besar, serta Perusahaan Kecil dan Sederhana untuk menjalankan projek perintis yang berkaitan dengan ekonomi kitaran.

#### **5. Perkasakan Pendidikan Pembangunan Mampan Di Sekolah Dan Institusi**

Perkara ini seharusnya merujuk kepada Menteri Pendidikan kerana perkara ini merupakan bidang kuasa di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk makluman Air Putih, KPM telah bersetuju untuk mengurangkan pertandingan kerana sesetengah pertandingan tidak membawa manfaat kepada kedua-dua guru dan pelajar malah pertandingan membebankan kedua-dua pihak. Namun demikian, kita tidak boleh menghapuskan sebarang pertandingan kerana pertandingan mengalakkan pelajar-pelajar untuk berfikir secara kreatif dan inovatif. Sekolah-sekolah lain boleh mengambil contoh daripada sekolah lain untuk mengaplikasikan idea-idea yang menarik. Dalam keupayaan Kerajaan Negeri, kita telah melancarkan Penang STEM pada Julai 2017. Di bawah Penang STEM, terdapat Perpustakaan Digital Pulau Pinang, Pusat Pembangunan Sains Pulau Pinang (PSDC), Kluster Sains Pulau Pinang (PSC), Platform Matematik Pulau Pinang (PMP) serta Techdome. Penang STEM telah berjaya mengadakan aktiviti seperti Kelas Coding dan juga Kelas Robotik yang menekankan tentang kerjasama dan menjadikan pelajar aktif dalam menyertai aktiviti.

#### **6. Pengawasan Kilang-Kilang Di Negeri Pulau Pinang**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Berapit yang telah mencadangkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas kilang-kilang yang mengeluarkan asap yang toksik tanpa kawalan. Jabatan Alam Sekitar akan mengeluarkan Notis Arahan

kepada premis atau kilang yang gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (AKAS) dan peraturan-peraturan di bawahnya supaya mengambil tindakan dan langkah-langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah pencemaran udara dan air yang berlaku. Selain dari itu, kompaun dan tindakan mahkamah akan diambil sebagai denda ke atas kesalahan yang telah dilakukan. Bagi memastikan pematuhan yang berterusan Jabatan Alam Sekitar akan menjalankan pemeriksaan secara berkala ke atas premis kilang yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

## **7. Perlindungan Alam Sekitar**

Sebagai jaminan kepada kebimbangan Yang Berhormat Pulau Betong, Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus komited untuk mengurus alam sekitar di Pulau Pinang. Salah satu bukti adalah UNESCO telah mengiktirafkan Bukit Bendera sebagai satu tapak simpanan 'biosphere' dengan izin, Yang di Pertua

Tapak ini merupakan tapak simpanan 'biosphere' yang ketiga di Malaysia selepas Tasik Chini, Pahang dan Banjaran Crocker, Sabah. Setakat ini, terdapat 2,456 spesis tumbuhan, 131 spesis fungi, 150 spesis burung dan sebagainya.

## **8. Galakan Penggunaan Pengangkutan Awam Dan Penjimatan Utiliti**

Saya menerima baik cadangan daripada Yang Berhormat Bayan Lepas untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan penjimatan penggunaan elektrik dan air dalam kalangan rakyat Pulau Pinang. Untuk galakan penggunaan pengangkutan awam, Kerajaan Negeri sering berunding dengan Kerajaan Persekutuan yang telahpun melalui beberapa perubahan pemimpin namun Kerajaan Negeri tetap berusaha untuk mendapatkan Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan dana untuk merealisasikan Penang Transport Master Plan (PTMP) dengan izin Dato' Speaker. Kita haruslah memahami mengapakah terdapat keengganan penduduk Pulau Pinang untuk menaiki pengangkutan awam, antara sebab adalah masa menunggu bas yang lama yang disebabkan oleh kekerapan yang sedikit serta laluan bas yang panjang. Walaupun isu ini adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan Malaysia, namun Kerajaan Negeri tetap memberi pandangan kepada Kerajaan Persekutuan tentang masalah pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Untuk makluman Yang Berhormat Bayan Lepas, pada 28 November 2017, Pulau Pinang menjadi negeri pertama yang meluluskan peraturan yang mewajibkan pemaju rumah untuk memasang Water Saving Devices (WSDs) dengan izin Dato' Speaker di semua pembangunan projek baharu. Rakyat Pulau Pinang juga boleh mendapatkan kit penjimatan air yang mengurangkan aliran air mengikut kadar mengalir yang dikehendaki oleh seseorang individu secara percuma di mana-mana Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP. WSD termasuklah sistem pam tandas yang mengeluarkan setengah pam (3 liter) atau pam penuh (6 liter).

### **9. Bandar Rendah Karbon**

Untuk makluman Yang Berhormat Bayan Lepas, pada 21 Februari 2023, reka bentuk projek Kepulauan Selatan Pulau Pinang (PSI) telah diberikan Anugerah Berlian oleh The Malaysian Green Technology and Climate Change Corp untuk reka bentuk Bandar Rendah Karbon. The Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation merupakan satu agensi di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Pembangunan PSI mempunyai potensi untuk mengurangkan pengeluaran karbon sebanyak 45.47% berbanding pembangunan yang tidak mengambil berat tentang aspek alam sekitar. Pembangunan PSI dapat mengelakkan pengeluaran karbon dioksida sebanyak 844,295 ton.

Pulau Pinang juga mempunyai rancangan untuk menghasilkan tenaga melalui pembinaan fasiliti gasifikasi di Stesen Pemindahan Sampah Ampang Jajar. Dengan fasiliti gasifikasi ini, sampah yang tidak dapat dikitar semula akan diasingkan dan tidak hantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.

Gasifikasi merupakan satu proses yang lebih bersih berbanding pembakaran sampah. Stesen Pemindahan Sampah Ampang Jajar juga bertujuan untuk mengurangkan jejak karbon melalui proses pemadatan sampah sebelum dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.

### **10. Tindakan Untuk Pembakaran Terbuka Sampah**

Terima kasih atas cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Bertam. Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang akan meningkatkan rondaan dan juga menggunakan dron di kawasan yang sukar diakses untuk mengesan sesiapa yang membakar sampah

secara terbuka. Rondaan akan dibuat dari semasa ke semasa termasuk hari cuti umum atau cuti perayaan dan mereka yang melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan kompaun maksima RM2,000 bagi setiap kesalahan yang dilakukan

Sekian, terima kasih.

**Darien Chong bin Adham Chong**

**N07 Sungai Puyu**

**Sidang Muda 2022/23**

